

Amalan Penjaminan Kualiti Di Dalam Pelaksanaan Insitusi Teknikal dan Vokasional

Quality Assurance Practices in The Implementation of Technical and Vocational Institution

Normala binti Kamdani^{1*}

¹ *Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional,
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Batu Pahat, 86400, Johor, MALAYSIA*

*Corresponding Author: normalakamdani@gmail.com

DOI: <https://doi.org/10.30880/jttr.2024.02.02.005>

Maklumat Artikel

Diserah: 28 November 2024
Diterima: 4 Disember 2024
Diterbitkan: 16 Disember 2024

Kata Kunci

Penjaminan kualiti, kualiti
pendidikan, akreditasi, TVET

Abstrak

Bidang pendidikan pada hari ini memerlukan seseorang pelajar yang kompeten dan berkemahiran dalam sesuatu bidang yang dipelajari. Bidang Pendidikan Teknikal dan Vokasional (TVET) merupakan salah satu bidang yang melahirkan graduan berkualiti yang berpengetahuan dan berkemahiran dalam sesuatu bidang serta menjadi rebutan industri. Oleh itu, insitusi TVET diperuntukkan untuk memberikan peluang, akses dan kemajuan dalam bidang pendidikan termasuklah latihan, ilmu pengetahuan dan sikap yang diperlukan pasaran buruh. Namun demikian, terdapat cabaran yang pelbagai dalam pengoperasian insitusi TVET di mana ianya menjejaskan kualiti pendidikan seperti cabaran dalam sumber pembiayaan, infrastruktur, peralatan dan bahan, kualiti pengurusan, peraturan dan pengajaran. Oleh itu, penulisan ini ditulis oleh penyelidik untuk mengkaji amalan penjaminan kualiti yang diaplikasikan di dalam pengoperasian insitusi TVET. Pengumpulan data di dalam penulisan ini diperolehi melalui bahan bacaan seperti jurnal serta artikel dan diektrak menjadi dapatan utama. Penemuan utama kajian ini mendapati antara amalan jaminan kualiti yang paling banyak dipraktikkan dan diberi fokus ialah sistem akreditasi serta kualiti pendidikan iaitu kualiti guru. Antara penemuan yang diperolehi juga berkaitan dengan sistem pentaksiran, amalan keselamatan, pengajaran guru dan juga pembiayaan. Hasil daripada penulisan sistematik ini mendapati amalan penjaminan kualiti merupakan satu proses yang penting dalam memastikan sistem kualiti pendidikan yang dilaksanakan dapat mencapai matlamat dan lebih efektif.

Keywords

Quality assurance, quality of education, accreditation, TVET

The field of education today requires a student who is competent and skilled in a particular field of study. Technical and Vocational Education Training (TVET) is one of the fields that produce quality graduates who are knowledgeable and skilled in a certain field and become the industrial need. Therefore, TVET institutions are allocated to provide opportunities, access and progress including training, knowledge and attitudes required by the labor market. However, there are various challenges in the operation of TVET institutions which affect the quality of education such as challenges in funding sources, infrastructure, equipment and materials, management quality, regulation and teaching. So, this writing is to study quality assurance practices applied in the operation of TVET institutions. The data is obtained through reading materials such as journals and articles and extracted into the main findings. The main findings of this study found that among the quality assurance practices that are most practiced is the accreditation system as well as the quality of education, which is the quality of teachers. Other than that, the findings also related to the assessment system, safety practices, teaching and funding. The result of this systematic review found that quality assurance practice is an important process in ensuring that the implemented education quality system can achieve its goals and be more effective.

1. Pengenalan

Pada abad ke-21 ini, pekerja yang mempunyai kemahiran tinggi serta berpengetahuan luas dalam bidang Pendidikan Teknikal dan Vokasional (TVET) amat diperlukan dan menjadi rebutan (Jie dan Mohd Yasin, 2022). Hal ini berlaku adalah untuk memastikan kepesatan ekonomi sesebuah negara yang tumbuh secara positif seperti cendawan tumbuh selepas hujan. Bagi memastikan kepesatan ini berlaku, usaha yang mapan giat dilaksanakan untuk mempromosikan bidang TVET dengan harapan pelajar di insituti yang berfokuskan kepada TVET ini dapat dilahirkan sebagai graduan yang mempunyai kemahiran serta bersikap kompeten (Jie dan Mohd Yasin, 2022). Pendidikan Vokasional merupakan satu cabang pendidikan yang diketengahkan pada masa kini bertujuan untuk mempersiapkan pelajar bekerja dalam bidang yang berteraskan kemahiran dan kompeten dari segi kerja seperti kejuruteraan, perakaunan, kejururawatan, perubatan, seni bina, atau undang-undang (Suciati, 2018). Selain itu, tujuan pelaksanaan pendidikan vokasional ini adalah untuk menghasilkan pelajar yang mempunyai kelayakan dan profesional di mana mereka mempunyai kemahiran akademik dan juga praktikal. Pendidikan Vokasional ini juga mempunyai kerjasama dengan pihak industri- akademik di mana mereka menyediakan tempat untuk mempraktikkan kemahiran pelajar tersebut demi mencapai matlamat sosial, alam sekitar dan ekonomi (Lin H. M. Et al, 2016).

Rentetan daripada keperluan graduan dalam bidang TVET untuk memenuhi pasaran industri, sesebuah insituti seharusnya memainkan peranan penting dalam pelaksanaannya. Seperti yang dijelaskan oleh Gaffoor dan Van der Bijl (2018) bahawa kolej – kolej yang berlandaskan TVET diperuntukkan untuk memberikan peluang, akses dan kemajuan dalam bidang pendidikan termasuklah latihan, ilmu pengetahuan dan sikap yang diperlukan pasaran buruh. Namun demikian, beberapa kajian mendapati penubuhan insituti TVET memberikan banyak cabaran (Mack dan White, 2019). Menurut Mack dan White (2019) juga, antara cabaran yang dihadapi oleh insituti TVET di Trinidad dan Tobago ialah sumber pembiayaan, infrastruktur, peralatan dan bahan, kualiti pengurusan, peraturan dan pengajaran. Oleh yang demikian, kertas kajian ini ditulis untuk melihat sejauhmana amalan penjaminan kualiti yang dipraktikkan di insituti TVET bagi memastikan kualiti pengoperasiannya berada seperti yang diharapkan dan dijangkakan.

1.1 Institusi TVET

Catatan sejarah menunjukkan Pendidikan Teknik dan Vokasional di Malaysia telah mula diperkenalkan seawal tahun 1906. Terdapat beberapa insituti yang ditubuhkan pada masa itu seiring dengan peredaran zaman bermula dengan penubuhan Trades School di Kuala Lumpur pada tahun 1926 yang mempunyai tujuan untuk memberi pendidikan perdagangan kepada para belia. Pada hari ini, 405 institusi latihan kemahiran awam dan 584 institusi latihan kemahiran swasta. Pelbagai usaha kementerian untuk memastikan bahawa Malaysia mencapai objektif ini untuk memiliki 3 juta pekerja mahir menjelang tahun 2020 (Julkifleh dan Ali, 2021).

Oleh itu, Insituti TVET merupakan peneraju utama yang memainkan peranan penting untuk menjayakan permintaan pasaran yang dinamik dan bertenaga untuk membangunkan sebuah tenaga kerja inklusif, berpengetahuan dan terlatih (Pirzada & Gulzar, 2023). Pirzada dan Gulzar (2023) juga menjelaskan bahawa

kebolehpasaran kerja bagi seseorang graduan merupakan satu isu kompleks yang sering dibangkitkan dalam pengoperasian sesebuah insituti. Hal ini disebabkan oleh ketidakserasian antara kualiti bagi output yang dikeluarkan dengan pasaran kerja yang ada. Jadi, dapat disimpulkan bahawa sesebuah insituti TVET merupakan salah satu pemegang taruh yang sangat penting dan kritikal bagi memastikan kualiti pengoperasian pendidikan dapat dicapai pada peringkat yang terbaik (Allais et al. 2021).

1.2 Penjaminan Kualiti

Kebimbangan utama kualiti pendidikan dalam akademik di seluruh dunia adalah untuk mendorong kualiti dalam pengajaran dan pembelajaran (Elzagheid, 2019). Oleh yang demikian, penjaminan kualiti memainkan peranan yang penting dalam bidang pendidikan yang mana memastikan pengoperasian sesebuah institusi mengekalkan dan mempertingkatkan standard pengajaran dan pembelajaran (Eslit, 2023). Moosa (2019) pula menyatakan bahawa jaminan kualiti (QA) merupakan disiplin yang penting dan teratur untuk ahli akademik begitu juga perancang dan pihak kerajaan untuk memastikan hasil yang sesuai bagi sesebuah institusi pendidikan.

Antara tujuan pelaksanaan jaminan kualiti adalah sebagai satu perancangan serta pelaksanaan yang teratur bagi tujuan memperlengkapkan sesuatu perkhidmatan yang disediakan agar memberikan kepuasan dan memenuhi keperluan dalam aspek kualiti (Azali, 2021). Elzagheid (2019) pula menjelaskan tujuan jaminan kualiti diimplementasikan adalah bertujuan untuk menyediakan bukti yang sesuai bagi mengukur kualiti pendidikan di mana - mana institusi serta membolehkan pihak berkepentingan atau pemegang taruh berasa yakin dengan pengurusan kualiti dalam institusi dan tahap hasil yang dicapai oleh insituti tersebut. Jadual 1 menunjukkan beberapa gabungan yang mendefinisikan makna bagi jaminan kualiti oleh Kistan (1999).

Jadual 1 Definisi jaminan kualiti oleh Kistan (1999)

Polisi		Memastikan/ Meri jaminan		
Sikap	Menyebabkan	Berdemonstrasi	Kualiti	Pengajaran Dikekalkan
Makna				
Tindakan				
Prosedur				
Sistem		Memperakui Mengesahkan jaminan		Pendidikan Ditingkatkan
Perhatian				

Amalan jaminan kualiti ialah tindakan yang diambil untuk melihat keperluan kualiti, mengaudit keputusan langkah kawalan, dan analisis prestasi kedua-dua kakitangan dan pelajar bagi memastikan standard dan prosedur kualiti yang sesuai dilaksanakan dengan sewajarnya di sekolah. Rasional di sebalik amalan jaminan kualiti di sekolah adalah untuk memastikan dasar yang dirancang, program dan aktiviti didorong untuk memenuhi amalan terbaik (Bassey, Owan, Agunwa, 2019). Di dalam pendidikan TVET, penjaminan kualiti adalah alat penting untuk memastikan program yang cekap untuk pencapaian pembangunan tenaga kerja dan pemerolehan kemahiran dalam masyarakat kita (Madimabe & Omodan, 2021).

Pada hari ini, amalan atau pelaksanaan jaminan kualiti telah banyak dilaksanakan dengan tujuan menjamin kualiti sesebuah sistem pendidikan. Antara implementasi perancangan dan tindakan pelaksanaan yang sistematik ini dapat dilihat dari dalam aspek seperti polisi, strategi, sikap prosedur serta aktiviti yang dapat menghasilkan keyakinan pengguna ke atas produk yang dihasilkan atau perkhidmatan yang disediakan (Hoyle, 2001). Kajian oleh Moosa (2019) menyenaraikan dua domain jaminan kualiti iaitu kualiti dalam proses pendidikan asas serta kualiti pengurusan. Kualiti proses pendidikan asas merangkumi kualiti guru, kualiti kurikulum, kualiti penilaian dan pentaksiran, kualiti dalam penyelidikan, kualiti dalam komunikasi serta kualiti oleh ibu bapa dan pelajar. Manakala kualiti dalam pengurusan difokuskan kepada aspek kepimpinan insituti, kepimpinan dalam pentadbiran dan jaminan kualiti program (Moosa, 2019).

Looney dan Clemson (2018) pula memberi pendapat bahawa jaminan kualiti terdiri daripada semakan sistematik program pendidikan dan proses untuk mengekalkan dan meningkatkan kualiti, ekuiti dan kecekapan mereka. Pendekatan jaminan kualiti boleh merangkumi mekanisma yang bersifat luaran dan dalaman kepada sekolah. Mekanisma luaran mungkin termasuk penilaian sekolah kebangsaan atau wilayah dan atau penilaian pelajar berskala besar. Mekanisme dalaman mungkin termasuk penilaian sendiri sekolah, penilaian kakitangan dan penilaian pelajar berasaskan bilik darjah (Looney & Clemson, 2018).

2. Metodologi

Di dalam Kajian ini penyelidik menggunakan kaedah kajian literatur sistematik. Pelaksanaan dan penulisan bagi kajian ini hanya berfokus kepada jurnal dan juga artikel yang telah diterbitkan sekitar tahun 2018 sehingga tahun

2023 sebagai rujukan utama. Terdapat hampir 20 jurnal dan artikel yang berkait rapat dengan penjaminan kualiti dan memenuhi keperluan tajuk yang dipilih iaitu amalan jaminan kualiti dalam pengoperasian insituti TVET. Sebagai tambahan penulisan, penyelidik mendapatkan beberapa jurnal sebagai rujukan dalam menulis kajian literatur yang berkaitan dengan jaminan kualiti dan pendidikan TVET. Fokus utama bagi rangka penulisan ini adalah tentang amalan penjaminan kualiti.

3. Dapatan Kajian

Terdapat sebanyak 20 jurnal artikel yang digunakan oleh penyelidik untuk mengkaji tentang “Amalan penjaminan kualiti dalam pengoperasian insituti TVET”. Dapatan kajian dan maklumat yang diperoleh penyelidik telah diringkaskan dalam bentuk jadual yang lebih sistematik.

Jadual 2 Analisis amalan penjaminan kualiti dalam pengoperasian insituti TVET

Bil.	Kajian	Perbincangan	Dapatan utama
1.	Sharma, T.N (2021).	Tujuan artikel ini adalah untuk membimbing insituti TVET, pihak berkuasa yang terlibat dan bertanggungjawab dengan proses penjaminan kualiti yang sedang berkembang di Nepal.	Nepal akan menyepadukan model daripada peningkatan, penjaminan dan akreditasi yang mana akan meliputi pengurusan kualiti, kualiti penambahbaikan dan jaminan kualiti dalam sub sistem penjaminan kualiti.
2.	Mutebi, R & Ferej, A. (2023).	Tujuan kajian ini oleh itu adalah untuk mengkaji semula amalan penjaminan kualiti yang dipraktikkan di Negara Uganda dan meliputi tiga soalan iaitu 1) Apakah kualiti TVET sedia ada dalam entiti tadbir urus jaminan negara Uganda? 2) apakah rangka kerja kawal selia bimbingan penjaminan Kualiti TVET di Uganda? Apakah kemajuan yang dibuat untuk mencapai penjaminan kualiti pada peluang masa hadapan di Uganda?	– Tadbir urus kualiti TVET jaminan di negara ini bertaburan di kalangan banyak jabatan kerajaan dan agensi – Rangka kerja panduan jaminan kualiti sedia ada tidak pernah disertakan pelaburan dan pembiayaan TVET. Panduan rangka kerja penjaminan kualiti hanya tertumpu pada kualiti pendidikan dan latihan, perhubungan dan infrastruktur tetapi tidak pernah merangkumi pelaburan dan pembiayaan TVET.
3.	Eton, R., Eton, M., Ogwel, P., & Mwosi, F. (2019)	Kajian ini mengkaji sumbangan dasar atau polisi penjaminan kualiti dan perancangan pengajaran dalam meningkatkan prestasi pelajar insituti latihan vokasional.	– Kajian mendapati pengajar kurang terlibat dengan pengurusan polisi penjaminan kualiti di insituti latihan vokasional. – Kekurangan kemudahan, pembiayaan program vokasional yang lemah, kaedah pengajaran yang lemah digunakan oleh pengajar, lemah penilaian kompetensi pelajar

			mempunyai kesan yang signifikan terhadap kualiti pendidikan vokasional. – Fokus utama penjaminan kualiti yang dibincangkan adalah berkaitan dengan kualiti perancangan pengajaran dalam kalangan pengajar di insituti latihan dan vokasional.
4.	Cheung, R.W.Y (2020).	- Kajian ini bertujuan untuk meneroka pendidikan vokasional peringkat tinggi yang berkaitan kerjaya dan bukan berkaitan kerjaya serta persepsi pelajar terhadap penjaminan kualiti dan akreditasi insituti TVET di Macau	– Akreditasi program dilaksanakan bagi program vokasional yang ditawarkan seperti perakaunan, pengurusan fasiliti dan pengurusan sumber manusia. – Proses akreditasi merupakan salah satu proses penjaminan kualiti yang dialu – alukan di Insituti Voakional di Macau.
5.	Mohammad Gasmelseed, A.M. (2021)	– Tujuan utama kajian ini adalah untuk mengkaji amalan penjaminan kualiti di institusi TVET awam di Negeri Khartoum dan cabaran serta prospeknya. – Kualiti institusi TVET adalah penting untuk menghasilkan graduan yang berkecayaan dan boleh bekerja. – Jika graduan TVET tidak mempunyai kepakaran yang diperlukan oleh pasaran buruh dan tidak dapat menghadapi teknologi terkini, kecekapan graduan tersebut akan dipersalahkan	– Amalan penjaminan kualiti yang ditekankan ialah Pembekalan Sumber dan Perkhidmatan di insituti TVET serta persepsi dan aspirasi pelajar. – Fokus utama penjaminan kualiti yang dibincangkan adalah berkaitan dengan kualiti input dan pengurusan fasiliti. – Jumlah bahan dan perkhidmatan yang tersedia di institusi TVET negeri Khartoum adalah tidak mencukupi. – Di institusi TVET, kualiti input adalah lemah. Pelajar mempunyai jangkaan dan persepsi yang tinggi terhadap TVET
6.	Yuniarti, N & Wiesner, G (2018).	– Guru memainkan peranan penting kerana elemen utama dalam sistem jaminan kualiti amat berkait dengan guru terutamanya proses pembelajaran – Guru bertanggungjawab dalam menjayakan pelaksanaan sistem Pengurusan kualiti pendidikan di peringkat pendidikan vokasional. – Pendidik mempunyai peranan	– Fokus utama penjaminan kualiti yang ditekankan di dalam penulisan ini ialah pada guru sebagai pelaksana kurikulum – Langkah mengimplementasi sistem pengurusan kualiti yang diamalkan seperti: i. Proses komunikasi antara staf ii. Proses perbincangan mengenai pemahaman

		penting dalam sistem pengurusan kualiti pendidikan vokasional bermula dari dasar sekolah, reka bentuk kurikulum, rancangan pembelajaran, pelaksanaan pembelajaran, penilaian pembelajaran, perkembangan potensi pelajar dan sebagainya	tentang kualiti dan juga matlamat insitusi iii. Mengenalpasti status semasa berkaitan pengurusan kualiti iv. Membuat perancangan untuk program pembangunan v. Menguruskan dokumentasi vi. kesinambungan pembangunan berkualiti akan dijamin dengan penilaian sendiri – semakan pengurusan oleh eksekutif perlu dijalankan untuk membetulkan matlamat, langkah, dan tanggungjawab yang lebih konkrit
7.	Mohd Isa, R.F. (2019).	– Tujuan kajian ini adalah untuk menilai amalan keselamatan dan kesihatan pekerjaan di kalangan pelajar dan pensyarah Institut Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET) di Malaysia daripada sudut pandangan amalan keselamatan, tahap pelaksanaan, pematuhan dan tahap budaya amalan keselamatan dan kesihatan pekerjaan	– Penerapan amalan keselamatan dan kesihatan pekerjaan tahap amalan keselamatan berada pada tahap yang tinggi dan aktif di Institut Pendidikan Teknikal dan Vokasional di Malaysia. – Pelaksanaan amalan keselamatan dan kesihatan pekerjaan di institut Pendidikan TVET dengan baik secara tidak langsung akan terbinalah satu tempat di mana TVET menjadi asas pembinaan budaya keselamatan.
8.	Husain. S dan Abdul Aziz. S, N. (2022).	– Pentaksiran merupakan satu daripada komponen reka bentuk kurikulum kursus-kursus politeknik bagi menilai keseluruhan hasil pembelajaran dan merupakan penanda aras kepada kualiti pembelajaran di mana pelajar dinilai melalui kaedah pengukuran. – <i>Middle managers'</i> memainkan peranan sangat penting bagi memacu jabatan dan politeknik untuk melahirkan pelajar-pelajar politeknik ke arah yang lebih berdaya saing bagi memenuhi misi dan visi politeknik bagi mendokong aspirasi negara ke arah negara maju berpendapatan tinggi.	– Perubahan dan inovasi kurikulum politeknik didasari oleh keperluan semasa dan arahan daripada JPPKK yang menguruskan politeknik seluruh Malaysia – Pengurusan perubahan diserahkan sepenuhnya kepada Ketua-ketua Jabatan yang telah dilantik untuk membuat keputusan kaedah yang terbaik untuk pelajar di bawah jabatan masing-masing. – Ketua Jabatan akan memberi sepenuh kepercayaan untuk mengendalikan perubahan tersebut mengikut garis panduan yang telah ditetapkan di mana

			pelaksanaan amali agak berbeza tetapi tetap mencapai matlamat yang sama, iaitu akhirnya untuk pelajar mencapai hasil pembelajaran – Ketua Unit bersama-sama dengan pensyarah akan berbincang dan akan membuat keputusan yang akan diminitkan di dalam minit mesyuarat unit dan akan dimaklumkan kepada Ketua Jabatan
9.	Makmud. M dan Abdullah .J. (2022)	– Kualiti graduan yang dihasilkan adalah berkait dengan penerimaan latihan yang diterima oleh graduan dan juga kompetensi pengajar. – Keberkesanan latihan yang diterima adalah mempengaruhi kualiti pelajar yang dihasilkan Program pendidikan yang lebih fleksibel yang mampu menyesuaikan diri dengan perubahan permintaan pasaran tenaga kerja yang terbaik dapat menyokong pekerja yang kompeten.	– Dimensi bagi kelestarian PLTV adalah prasarana latihan, reka bentuk kurikulum, perhubungan industri, pembangunan kakitangan dan penjaminan kualiti – Pelaksanaan jaminan kualiti mempunyai skor tertinggi dalam kelestarian PLTV di dalam kalangan tenaga pengajar Institusi Latihan Jabatan Tenaga Manusia (ILJTM).
10.	Ealangov , S.dan Abdul Malek. S (2023).	– Isu perubahan iklim, kekurangan sumber, kemajuan kecerdasan buatan, ledakan teknologi dan globalisasi memberi impak kepada pasaran buruh dalam bidang pertanian. Hal ini menyebabkan institusi TVET menghadapi tekanan untuk menyediakan graduan berkemahiran tinggi seiring dengan matlamatnya	– Pelaksanaan <i>Continuous Quality Improvement (CQI)</i> dan <i>Self Review</i> yang dipraktikkan dapat menjamin pelaksanaan perubahan kurikulum dengan berkesan – Audit dalaman dan luaran perlu dipraktikkan bagi memantau pelaksanaan kurikulum dengan berkesan serta memenuhi kehendak akreditasi – Pensyarah turut mengenal pasti strategi penjaminan kualiti seperti penyeliaan dan pemantauan pelaksanaan, semakan sendiri, – penambahbaikan kualiti berterusan dan audit kurikulum secara berkala

			sebagai langkah menghadapi perubahan kurikulum.
11.	Widiaty. I., et al (2019).	- Kajian ini merupakan kerjasama penyelidikan antarabangsa ahli RAVTE (<i>The Regional Association for Vocational Teacher Education in East and Southeast Asia</i>) yang menganalisis penilaian latihan amali pelajar menggunakan Pendekatan Penilaian Berasaskan Kompetensi (CBA). - Kajian ini menganalisis aplikasi CBA untuk penilaian latihan amali menggunakan empat subkategori CBA yang berkaitan iaitu Standard, Perancangan, Kaedah serta bukti.	- Kajian itu mendedahkan bahawa responden berjaya menggunakan bukti dan evidens untuk CBA. Walau bagaimanapun, terdapat perbezaan dalam prestasi penilaian latihan. — Dapatan kajian juga mendapati bahawa universiti di Indonesia lebih baik dalam menggunakan prinsip perancangan CBA dan penggunaan kaedah untuk mentaksir latihan industri tetapi sebaliknya kurang baik bagi universiti di Laos. — Di Laos, jaminan kualiti pendidikan dan latihan telah diuruskan oleh kerajaan. Garis panduan untuk penilaian sendiri serta penilaian luaran adalah sejajar dengan trend dan amalan baik di wilayah Asia-Pasifik. Namun begitu, walaupun Penilaian berasaskan kecekapan di Laos telah dilaksanakan, namun penjaminan kualiti masih tidak dapat dibezakan. Selain itu, badan yang bertanggungjawab untuk menjalankan proses pensijilan juga tidak jelas.
12.	Elzaghei d. M, I. (2019).	— Kertas kajian ini adalah untuk menerangkan secara ringkas amalan pelaksanaan penjaminan kualiti di Kolej Perindustrian Jubail dan berkongsi pengalaman dengan institusi tempatan serta antarabangsa lain. — Prosedur jaminan kualiti	— Dasar dan amalan penjaminan kualiti dilaksanakan oleh institusi akademik sendiri untuk memantau kualiti pendidikan dan kualiti pendidikan mereka — Prosedur dan amalan penjaminan kualiti ini

			yang diterangkan dalam kertas ini ialah digunakan untuk memastikan kualiti pendidikan khusus di Kolej Perindustrian Jubai	meliputi penilaian dan kenaikan pangkat fakulti yang diperkemas, penilaian dan pentaksiran pelajar, lawatan industri pelajar dan peruntukan pelajar
13.	Tadle, R.L., et al (2021).	—	Penjaminan kualiti adalah satu penghubung yang menghubungkan semua proses—daripada pembangunan piawaian kelayakan kepada pendaftaran dan akreditasi program TVET, kepada peraturan latihan berasaskan kompetensi sehingga penilaian dan pensijilan kemahiran.	— Pembangunan Kemahiran Pendidikan Teknikal (TESDA) memperkenalkan Program Sistem Pentauliah dan Pengiktirafan yang mana memperakui graduan bidang TVET dan pekerja kemahiran bidang pertengahan melalui Sistem Penilaian dan Pensijilan Kompetensi TVET. — Program tersebut akan memperuntukkan kemahiran yang akan memberikan mereka keselamatan pekerjaan, pampasan yang lebih tinggi, dan lebih banyak peluang untuk pekerjaan yang lebih baik kepada graduan dan pekerja bidang pertengahan.
14.	Hanh, N.D., Loan, V.Q & Viet, M.N (2020).	—	Kajian ini memberikan gambaran tentang sistem penjaminan kualiti dan rangka kerja yang lebih tinggi bagi institusi pendidikan dan bagaimana penjaminan Kualiti bertindak balas terhadap tuntutan sosial pihak berkepentingan.	— Sistem penjaminan kualiti di Vietnam dan malaysia melakukan pentaksiran sendiri serta polisi akreditasi sendiri dalam mengukuhkan insituti TVET mereka. Manakala di Nigeria, kawalan kualiti dilaksanakan melalui penilaian luaran secara berkala. — Konsep autonomi, akauntabiliti dan Penambahbaikan dilihat di dalam Sistem penjaminan kualiti ini.
15.	Othman. Z dan Muda. M, N. (2021)		Penyampaian TVET di Malaysia menerapkan amalan peningkatan kualiti yang berterusan untuk memastikan kualiti dalam bidang seperti penyediaan dan pengurusan kursus dan program, aspek pengajaran dan pembelajaran termasuk kecekapan pensyarah,	— Kajian menunjukkan jaminan kualiti dilaksanakan dengan melakukan penilaian program yang meliputi insituti, program, kurikulum dan industri. Input penilaian penjaminan kualiti pula melihat kepada kebolehpasaran graduan, meklumbalas industri,

		penyelidikan, inovasi dan pembangunan untuk selaras dengan piawaian industri dan dapat memenuhi keperluan dan permintaan	– maklumbalas kurikulum, laporan perkembangan staf, fasiliti dan kewangan.
16.	John, W.S dan Yusri, K. (2021).	– Kajian dijalankan untuk membongkar amalan rangka penjaminan terkini di tiga buah negara iaitu Malaysia, Nigeria dan United Kingdom (UK). – Penjaminan kualiti merupakan merupakan satu proses utama bagi memastikan keperluan standard serta kecekapan mencapai standard dan kualiti dalam pendidikan TVET.	– Rangka penjaminan kualiti TVET panduan dalam memenuhi keperluan pengetahuan, kemahiran dan juga sikap yang perlu dipraktikkan di tempat kerja atau industri. – Berikutan merupakan Pendekatan penjaminan kualiti yang digunakan oleh Malaysia, Nigeria dan United Kingdom – Malaysia : Akreditasi – Nigeria : Penyeliaan – UK : Audit
17.	Gebreme skel, M.M (2019).	– Kajian dijalankan untuk mengenalpasti amalan penjaminan kualiti insitusi TVET di Amhara. – kualiti TVET mengalami masalah bekalan sumber yang tidak lengkap menjadikan proses latihan menjadi kurang berkualiti serta tidak memenuhi kompetensi yang diperlukan.	Secara asas, amalan jaminan kualiti yang diamalkan hanya tertumpu pada pemeriksaan iaitu penilaian dan pensijilan dan bukan pada Total Quality Managment atau pencegahan iaitu memantau kualiti proses penyampaian latihan.
18.	J. Oluchi et al (2020).	– Kajian ini tertumpu kepada penentuan Dasar dan Pelaksanaan TVET di Institusi Tinggi di Enugu State Nigeria. – Kajian juga dijalankan untuk melihat Sejauh manakah polisi TVET telah dilaksanakan di Institusi Tertiari di Negeri Enugu	– Beberapa dasar telah diisytiharkan oleh kerajaan dengan pelaksanaan dan penekanan yang lemah terhadap jaminan kualiti – Pelaksanaan polisi yang ditekankan ialah pelaksanaan dasar Mengajar kursus vokasional di institusi. – Dasar TVET yang dimaksudkan seperti proses pelaksanaan yang mantap, pemantauan, penyeliaan, maklum balas, penilaian dan penambahbaikan. – Kerajaan ada menyediakan dana yang mencukupi untuk pembelian – kemudahan pengajaran dan output kemahiran praktikal ditekankan pada hasil akhir

19.	Odewumi et al (2018).	– Program Pendidikan Teknik dan Vokasional dilihat sebagai satu cara untuk melahirkan graduan yang boleh berkerja bekerja sendiri atau berdikari – Percubaan untuk meningkatkan penglibatan Unit Jaminan Kualiti ke arah mengekalkan standard yang tinggi dalam pendidikan Teknikal dan program Pendidikan Vokasional menjadi keutamaan ke arah mencapai ekonomi kepelbagaian sesebuah negara	– Kolej Pendidikan Persekutuan Pankshin (FCE) melaksanakan jaminan kualiti dengan mengaplikasikan latihan akreditasi olokan secara berkala secara terus dan tidak terus. – Contoh melaksanakan pra akreditasi seperti pameran hasil kerja pelajar dan maklumbalas keputusan per semester. – Dapatan kajian juga menunjukkan adanya amalan bimbingan tenaga pengajar Pendidikan Vokasional dan Teknikal serta penyediaan peluang untuk pengajar mengikuti latihan lanjut.
20.	Bounsouhak. A., Chianchana. C dan Siripanic h. A (2018).	Meta-Evaluation juga merupakan salah satu mekanisme jaminan kualiti yang digunakan untuk mengesahkan kekuatan Rancangan penilaian, praktikal penilaian, dan penyediaan daripada laporan penilaian.	– Penilaian kualiti pengajaran oleh guru di dalam kelas berada pada tahap yang baik. – Kualiti pengajaran yang dimaksudkan meliputi persediaan mengajar, teknik mengajar, media dan bahan pengajaran, pengukuran serta penilaian dan juga moral dan etika guru – Piawaian utiliti dilaksanakan dengan betul mengikut kod kelakuan untuk guru.

Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk melihat amalan penjaminan kualiti yang dipraktikkan di insituti TVET beberapa buah negara. Antara negara yang ditelusuri melalui analisis jurnal ialah Ghana, Malaysia, Macau, Vietnam, Uganda dan beberapa negara lain. Jadual 1 menunjukkan beberapa amalan yang dipraktikkan dalam memastikan pendidikan berkualiti yang disampaikan kepada semua pelajar dan graduan insituti TVET daripada jurnal – jurnal yang telah diekstrak. Lantaran itu, rumusan amalan penjaminan kualiti yang difokuskan berdasarkan jurnal yang telah dikaji dapat ditunjukkan di dalam jadual 2.

Jadual 3 *Jadual matriks amalan penjaminan kualiti yang dilaksanakan di dalam insituti TVET*

Bil.	Penulis	Amalan jaminan kualiti
1.	Sharma, T.N (2021).	Peningkatan dan penjaminan kualiti serta akreditasi
2.	Mutebi, R & Ferej, A. (2023).	– Penjaminan kualiti kurang jelas – Fokus kepada kualiti pendidikan dan latihan, perhubungan dan infrastruktur
3.	Eton, R., Eton, M., Ogwel, P., Mwosi, F. (2019)	Fokus utama kualiti perancangan pengajaran dalam kalangan pengajar
4.	Cheung, R.W.Y (2020).	Akreditasi program

5.	Mohammad Gasmelseed, A.M. (2021)	Pembekalan Sumber dan Perkhidmatan, pengurusan fasiliti
6.	Yuniarti, N & Wiesner, G (2018).	Fokus utama kepada Guru sebagai pelaksana kurikulum dalam mengurus kualiti
7.	Mohd Isa, R.F. (2019).	Amalan dan budaya keselamatan serta kesihatan pekerjaan
8.	Husain. S dan Abdul Aziz. S, N. (2022).	Amalan pelaksanaan amali mengikut garis panduan
9.	Makmud. M dan Abdullah. J. (2022)	Skop penjaminan kualiti kurang jelas tetapi pelaksanaan jaminan kualiti berada pada tahap yang tinggi
10.	Ealangov, S. dan Abdul Malek. S (2023).	– Pelaksanaan <i>Continuous Quality Improvement</i> (CQI) dan <i>Self Review</i> – Penyeliaan dan pemantauan pelaksanaan, semakan sendiri, penambahbaikan kualiti berterusan dan audit kurikulum
11.	Widiaty. I., et al (2019).	Penggunaan bukti serta evidens dalam melaksanakan penilaian berasaskan kecekapan (CBA)
12.	Elzagheid. M, I. (2019).	Amalan penjaminan kualiti meliputi penilaian dan kenaikan pangkat fakulti yang diperkemas, penilaian dan pentaksiran pelajar, lawatan industri pelajar dan peruntukan pelajar
13.	Tadle, R.L., et al (2021).	Program Sistem Pentauihan dan Pengiktirafan melalui Sistem Penilaian dan Pensijilan Kompetensi TVET.
14.	Hanh, N.D., Loan, V.Q & Viet, M.N (2020).	Sistem penjaminan kualiti di Vietnam dan malaysi melakukan pentaksiran sendiri serta polisi akreditasi sendiri
15.	Othman. Z dan Muda. M, N. (2021)	Melakukan penilaian program yang meliputi insitusi, program, kurikulum dan industri.
16.	John, W.S dan Yusri, K. (2021).	Pendekatan penjaminan kualiti yang digunakan oleh Malaysia, Nigeria dan United Kingdom i) Malaysia : Akreditasi ii) Nigeria : Penyeliaan iii) UK : Audit
17.	Gebremeskel, M.M (2019).	Jaminan kualiti yang diamalkan hanya tertumpu pada pemeriksaan iaitu penilaian dan pensijilan
18.	J. Oluchi et al (2020).	Pelaksanaan polisi yang ditekankan ialah pelaksanaan dasar Mengajar kursus vokasional di institusi seperti proses pelaksanaan yang mantap, pemantauan, penyeliaan, maklum balas, penilaian dan penambahbaikan.
19.	Odewumi et al (2018).	– Mengaplikasikan latihan akreditasi olokan secara berkala secara terus dan tidak terus. – Amalan bimbingan tenaga pengajar serta penyediaan peluang untuk pengajar mengikuti latihan lanjut.

20.	Bounsouhak. A., Chianchana. C dan Siripanich. A (2018).	Jaminan kualiti yang difokuskan di dalam penulisan ini ialah berkaitan dengan kualiti pengajaran guru dan berfokus kepada Persediaan mengajar, teknik mengajar, media dan bahan pengajaran, pengukuran serta penilaian dan juga moral dan etika guru
-----	---	--

Merujuk kepada jadual 3, 20 jurnal artikel berkaitan dengan penjaminan kualiti yang dianalisis merungkai dengan banyak berkaitan dengan akreditasi dan juga kualiti pendidikan di dalam pengoperasian insituti TVET. Seperti yang kita sedia maklum, di dalam pelaksanaan pendidikan teknikal dan vokasional, akreditasi merupakan indikator atau petunjuk bagi kualiti (Kumar, Shukladan Passey, 2021). Menurut Lembaga Akreditasi Kebangsaan India, akreditasi merupakan satu proses penjaminan kualiti dan penilaian naik taraf program di bawah sesebuah insituti melalui piawaian tertentu. Di dalam kajian oleh Banerjee dan Samaddar (2020) menjelaskan matric akreditasi iaitu pengurusan organisasi dan juga pengurusan akademik. Dapatan kajian ini menunjukkan antara amalan akreditasi yang dilaksanakan sebagai penjaminan kualiti sepertimana yang dinyatakan oleh Banerjee dan Samaddar (2020) adalah amalan keselamatan, program dan juga kurikulum.

Kumar, Shukla dan Passey (2021), akreditasi yang dilaksanakan di sesebuah insituti akan memberikan impak atau output yang positif. Selain dapat memastikan penjaminan kualiti, ianya juga dapat meningkatkan reputasi akademik, meningkatkan aktiviti penyelidikan dan inovasi, kebolehpasaran graduan dan kepuasan pihak berwajib atau pegegang taruh malah dapat meningkatkan lagi hubungan baik antara industri dengan insituti. Bertepatan dengan Lembaga Akreditasi Kebangsaan India (2019) yang mana menjelaskan antara kelebihan sistem akreditasi ialah menaikkan lagi kecemerlangan di peringkat yang lebih baik. Di dalam pendidikan TVET, kebolehpasaran graduan dan juga penglibatan industri merupakan elemen penting pelaksanaannya. Dengan adanya akreditasi ini, akan berlakunya tambahbaik kurikulum malah kemajuan teknologi lantas meningkatkan lagi pasaran kerja bagi graduan TVET (Nordin dan A. Ghani, 2022).

Kualiti di dalam pendidikan yang melibatkann penjaminan kualiti meliputi aspek seperti kualiti guru dan kualiti pentaksiran. Kualiti pendidikan merupakan salah satu pilihan strategik yang boleh disatukan bagi meningkatkan lagi persaingan diperingkat dunia (Zaki, 2020). Memandangkan graduan bidang TVET diperlukan bagi memnuhi kebolehpasaran dan skop kerja di industri, maka kualiti mereka dipengaruhi oleh peranan para akademik atau guru. Rusdarti (2017) menjelaskan graduan yang mempunyai kualiti dan profesional adalah dipengaruhi oleh pengajar mereka sebagai guru dan juga pembimbing bagi memastikan prospek akademik dapat dicapai.

Di dalam kajian ini, kualiti guru dalam aspek seperti persediaan mengajar, teknik mengajar, media dan bahan pengajaran, pengukuran serta penilaian dan juga moral dan etika guru adalah antara yang diberi penekanan. Hal ini kerana, kualiti guru sememangnya terbukti dan memberi kesan kepada kemenjadian seseorang pelajar (Kasmin et al, 2019). Oleh itu, dalam memastikan sistem pendidikan mempunyai kualiti yang baik, guru perlu menguasai beberapa kemahiran seperti bidang yang diajar, kaedah pengajaran dan pengurusan (Suadi, 2017). Shulman (1987) pula menyenaraikan tujuh domain pengetahuan yang perlu dikuasai oleh seorang pengajar iaitu pengetahuan isi kandungan, pengetahuan pedagogi am, pengetahuan kurikulum, pengetahuan pedagogi dan isi kandungan, pengetahuan mengenai latar belakang murid, pengetahuan mengenai konteks pendidikan dan pengetahuan mengenai matlamat pendidikan. Oleh itu, tidak hairanlah sekiranya keupayaan seseorang pengajar menjadi kayu ukur kualiti sesebuah pendidikan (Haron et al, 2020).

4. Penutup

Dapatan kajian daripada 20 buah artikel ini menunjukkan bahawa amalan penjaminan kualiti di dalam pengoperasian insituti TVET yang paling dominan adalah akreditasi diikuti dengan kualiti pendidikan, amalan pentaksiran serta terdapatnya amalan keselamatan yang diberikan fokus. Keberkesanan sesuatu insituti, kurikulum atau program yang dibangunkan adalah bergantung kepada bagaimana pengoperasian sesebuah insituti tersebut. Selain itu, pelaksanaan pembaharuan atau kurikulum di dalam insituti TVET juga adalah bergantung kepada pandangan global oleh pengajar iaitu kepekaan pengajar, pelajar serta persekitaran pembelajaran. Tuntasnya, sistem penjaminan kualiti yang dilaksanakan di mana – mana insituti mampu memberikan perubahan dan meingkatkan lagi output yang baik kepada semua pihak seperti pelajar, pengajar, industri, pemegang taruh malah kepada insituti tersebut supaya menjadi lebih efektif dan mencapai matlamat.

Rujukan

Jie, B.G. dan Mohd Yasin, R. (2022). Usaha Meningkatkan Kesedaran Pelajar dan Ibu Bapa Terhadap Kebolehpasaran Pekerjaan dalam Bidang TVET. *Jurnal Dunia Pendidikan*, Bil 4 NO 1, 529 – 539.

- Julkifleh, E. dan Ali, D.F. (2021). Bahan Bantu Mengajar di dalam Pendidikan Vokasional. *Jurnal Persatuan Pendidikan Teknik dan Vokasional Malaysia*. Vol 10, 37-46
- Sharma, T.N (2021). An Integrated Quality Assurance System in Technical, Vocational Education and Training in Nepal. *Journal of Technical and Vocational Education and Training (TVET)* Vol 1 no 15. 14 – 29.
- Pirzada, G. & Gulzar, I. (2023). Best Institutional Practices in Technical and Vocational Institutes for Sustainable Development. Issue 20. 1 – 13.
- Elzagheid, M.I. (2019). Jubail Industrial College (JIC) Educational Quality Assurance and Management Procedures: Chemical and Process Engineering Technology Department as an Example. *European Journal of Educational Research*. Volume 8, Issue 3, 659 – 669.
- Eslit, E.R. (2023). Unveiling the Enigma of Quality Assurance in Private School Institutions: Unraveling Challenges, Bridging Gaps, and Pioneering New Perspectives. 1 – 8.
- Moosa, K. (2023). Quality Assurance in Higher Education Successful Approaches for Improving Quality in colleges and universities. 1 – 15.
- Azali, N.F (2023). Pelaksanaan Amalan Pengilangan Baik (Apb) Dalam Kawalan Kualiti Dan Keselamatan Kosmetik di Utara Malaysia. Tesis : Sarjana. Universiti Utara Malaysia.
- Bassey, A, Owan, V.J, Agunwa, J.N (2019). Quality Assurance Practices and Students' Performance Evaluation In Universities Of South South Nigeria: A Structural Equation Modelling Approach. *British Journal of Psychology Research*. Vol.7, No.3. 1- 13.
- Mutebi, R. & Ferej. A. (2023). A Review of TVET Quality Assurance Practice in Uganda. *East African Journal of Interdisciplinary Studies*, Vol 6 (1), 182 - 196.
- Eton, R., Eton, M., Ogwel, P.B & Mwosi, F. (2019). Quality assurance policies and instructors' planning in vocational training institutions in Lango subRegion Northern Uganda. *International Journal of Multidisciplinary Research and Development*. Vol 6 (2). 22 – 29.
- Cheung, Q. W. Y. (2020). Quality assurance in vocational higher education: A case of Macau. *Journal of Advances in Humanities and Social Sciences*. Vol 6(3), 89 – 99.
- Gasmelseed, A. M. M (2021). Quality Assurance Practices in Public Technical and Vocational Education and Training Institutions in the Khartoum State-Sudan. *Journal of Educational and Social Research*. Vol 11(5), 21 – 3
- Yuniarti, N & Wiesner, G. (2018). Systematic Quality Management In Vocational Educational Institutes: Roles Of Teachers In Development Of Organizational Quality. *Jurnal Pendidikan Teknologi dan Kejuruan*. Vol 24(1), 162 – 170.
- Mohd Isa, R. F (2019). Technical and Vocational Education and Training (TVET): Tempat Asas Pembinaan Budaya Keselamatan di Malaysia. *Journal Of Vocational Education Studies (Joves)*. Vol 2 (2), 101 – 112.
- Abdul Aziz, S.N & Husain, S. (2022). Pengurusan Pelaksanaan Pentaksiran Pelajar Bagi Kursus-Kursus Jabatan Matematik Dan Sains Komputer, Politeknik Malaysia di Era Pandemik, Satu Perbandingan. *Proceeding International Multidisciplinary Conference*. 221 – 227.
- Makmud, M & Abdullah. J. (2022). Melestari Program Latihan Teknikal dan Vokasional Berdasarkan Kompetensi dan Kreativiti Tenaga Pengajar. *International Conference on Social and Applied Sciences (ICSAS2022)*, 1 – 22.
- Ealangov, S.& Abdul Malek. S (2023). Cabaran dan Strategi Menghadapi Perubahan Kurikulum dalam Kalangan Pensyarah Bidang Agroteknologi Kolej Komuniti. *Online Journal for TVET Practitioners*. Vol 8 (2), 23 – 26.
- Widiaty, I., et al (2019). Applicability of Competency-Based Assessment for TVET Interns: Comparing between Indonesia and Laos. *Journal Of Technical Education And Training*. vol.11 No. 2, 045-056
- Elzagheid, M, I. (2019). Jubail Industrial College (JIC) Educational Quality Assurance and Management Procedures: Chemical and Process Engineering Technology Department as an Example. *European Journal of Educational Research*. Volume 8, Issue 3, 659 - 669.
- Tadle, R.L., et al (2021). Students' Experience of Service Quality of Technical Vocational Education and Training (TVET) Programs in Philipines's Private Higher Educational Institutions (HEIs). *Journal Of Technical Education And Training*. VOL. 13 NO. 3 (2021) 29-39
- Hanh, N.D., Loan, V.Q & Viet, M.N (2020). Quality Framework of Higher Education in Vietnam, Malaysia and Nigeria. *Higher Education Studies*; Vol. 10, No. 2.
- Othman, Z. dan Muda, M. N. (2021). Assurance Quality TVET Malaysia (Evaluation Program Polytechnic and Community Collage). 1 – 17.

- John, W.S dan Yusri, K. (2021). Quality Assurance Framework in Technical and Vocational Education and Training: A Comparative Study of Nigeria, Malaysia and UK. *Universal Journal of Educational Research*, Vol 9(8). 1531-1543
- Gebremeskel, M.M. (2019). The Practice of Quality Assurance in the TVET System of the State of Amhara as Perceived by Major Stakeholders. *Bahir Dar j educ*. Vol. 19 No. 1. 80 – 104.
- J. Oluchi et al (2020). TVET Policies and Implementation in Higher Institutions in Enugu State Nigeria. *Vocational And Technical Education Journal (Votej)*, VOL 2, NO. 2. 123 – 133.
- Odewumi et al (2018). The Impact of Quality Assurance Unit on Teachers' Efficiency and Productivity in Technical and Vocational Education Programmes of Federal College of Education, Pankshin. *Journal of Humanities and Social Policy*. Vol. 4 No. 2. 12 – 22.
- Bounsouhak, A., Chianchana, C. dan Siripanich, A. (2018). The Evaluation of Teaching Quality in Classroom based on Meta-Evaluation at TVET Schools in Lao PDR. *International (Humanities, Social Sciences and Arts)*, Volume 11 Number 4. 650 – 664.
- Kumar, P & Shukla, B & Passey, D. (2021). Impact of Accreditation on Quality and Excellence of Higher Education Institutions. 1 – 19.
- Banerjee, S & Samaddar, B (2020). Importance of International Accreditation for Institutions and the Role of Private Certification Bodies. *Asian Journal of Management*. Vol 11 (3). 279 – 284.
- Nordin, N & A. Ghani, M.F. (2022). Strategi Penyelesaian Isu Kepimpinan Kolej Vokasional Di Malaysia: Persepsi Pemimpin. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan*. Bil. 9, Isu 4. 1- 18.
- Haron, M. Z et al. (2020). Pengetahuan Pedagogi, Kemudahan Pembelajaran Dan Hubungannya Dengan Kualiti Pengajaran Guru Tahfiz Model Ulul Albab (Tmua) Di Malaysia. *Seminar Darulaman 2020 Peringkat Kebangsaan*